

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tentang pekerja ekonomi gig :-**

- (a) apakah kerangka perundangan sedia ada untuk melindungi pekerja-pekerja ini ; dan
- (b) apakah rancangan penambahbaikan perundangan sedia ada memandangkan wujud perkembangan terkini dengan adanya ekonomi gig .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan telah memutuskan supaya golongan yang terlibat dalam pekerjaan *gig economy* diberi perlindungan sewajarnya. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji beberapa opsyen untuk mengawal selia pekerja *gig economy* dalam aspek pekerjaan dan keselamatan sosial. Antara opsyen yang dikaji adalah kebolehpakaian undang-undang buruh sedia ada seperti Akta Kerja 1955 untuk mengawal selia pekerja *gig economy*.

Walau bagaimanapun, memandangkan *nature of work* golongan ini amat berbeza daripada pekerja sektor formal yang biasa, pemakaian undang-undang buruh hendaklah tidak menjaskankan fleksibiliti bagi pekerja dan syarikat dalam *gig economy*. Dari aspek keselamatan sosial, golongan ini adalah dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789].

(b) Memandangkan kesukaran memastikan wujudnya elemen “*contract of service*” dalam pekerjaan *gig economy*, peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955 semasa tidak begitu sesuai digunakan dalam mengawal selia pekerjaan mereka. Kerajaan juga tidak bercadang untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi menyesuaikan dengan kaedah pekerjaan *gig economy*.

Sehubungan itu, Kerajaan juga melihat kemungkinan untuk mewujudkan satu undang-undang khusus bagi mengawal selia pekerja *gig economy* ini.

Sekian, terima kasih.